

‘Pertemuan dengan Trump beri harapan negara Palestin’

Anwar manfaat ruang bertemu Presiden AS pada Sidang Kemuncak ASEAN-AS hujung bulan ini

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap, pertemuan beliau dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump pada hujung bulan ini dapat menyumbang kepada jaminan hak rakyat Palestin dan merealisasikan penubuhan sebuah negara Palestin yang berdaulat.

Perdana Menteri berkata, beliau akan memanfaatkan ruang pertemuan dengan Presiden AS itu ketika Trump menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-AS dan Sidang Kemuncak Asia Timur yang diadakan di sini, bersempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47.

“Saya menantikan dan mengharapkan suatu ruang dialog dan wacana yang segar dan terbuka tentang bagaimana Malaysia bersama dengan rakan-rakan, dapat menyumbang serta membentuk satu orde dunia yang adil dan

damai yang berkekalan dan tentunya akan mencakup serta menjamin hak rakyat Palestin dan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan bernaung,” katanya menerusi satu kenyataan video, kelmarin.

Anwar turut mengalu-alukan persetujuan bersyarat Hamas, terhadap cadangan pelan gencatan senjata yang disifatkan sebagai perkembangan penting menyalakan kembali harapan untuk menghentikan peperangan dan meredakan penderitaan orang awam di Gaza.

“Saya maklum akan kenyataan Presiden Donald Trump, khusus pada seruan supaya Israel menghentikan serangan dan pengebumian supaya langkah yang kukuh dan teguh ke arah perdamaian dapat digerak dan dijelmakan,” katanya.

Perlu kesabaran tinggi

Perdana Menteri berkata, aspek terpenting pada masa ini ialah kebijaksanaan dan sikap kesabaran tinggi, terutama untuk menghentikan serangan dalam kadar segera, menjamin tempoh bertenang dan mempercepat serta memudahkan penyampaian bantuan kemanusiaan ke Semenanjung Gaza.

“Keamanan yang kekal tidak akan tercapai dalam sekelip mata. Walhasil, ia mesti dibina de-

ngan kesabaran yang jitu, langkah demi langkah.

“Kita tidak mampu menerima sebarang penangguhan dalam mengakhiri penderitaan warga Gaza. Tragedi sadis ini yang menghentak nurani dunia ini mesti segera dihentikan,” katanya.

Anwar berkata, negara Arab, terutama Qatar bersama-sama Turkiye dan dunia Islam khususnya, kini menggalas peranan yang penting dalam memastikan proses gencatan senjata berterusan, sekali gus menghidupkan kembali prospek ke arah penyelesaian politik.

“Amerika Syarikat juga memikul tanggungjawab yang besar, khususnya dalam memberikan tekanan kepada Israel untuk tunduk dan hormati kewajipan serta mesti memberikan ruang dan peluang kepada diplomasi,” katanya.

Terdahulu, Hamas dilaporkan menerima sebahagian daripada 20 perkara yang terkandung dalam pelan damai yang dikemukakan Trump.

Pelan itu antara lain turut merangkumi pembebasan semua tahanan Israel dalam tempoh 72 jam selepas kelulusan pelan, sebagai pertukaran kepada pembebasan ratusan tahanan Palestin dari penjara Israel.

BERNAMA